

26 MAY 2000

MIC-Resolusi/I

MIC AKAN SERU KERAJAAN WUJUDKAN AGENSI AMANAH MASYARAKAT INDIA

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Perhimpunan Agung MIC Ke 54 yang bermula di sini esok dijangka meluluskan 13 resolusi, termasuk meminta kerajaan mewujudkan agensi-agensi amanah dan institusi seperti Permodalan Nasional Berhad bagi masyarakat India.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (OPP2) (1991-2000) mengiktiraf yang masyarakat India di Malaysia ketinggalan berbanding masyarakat lain, dan oleh itu MIC dijangka mengesyorkan kepada kerajaan supaya syarikat-syarikat swasta memperuntukan lima peratus daripada saham-saham mereka kepada masyarakat India.

Menurut deraf resolusi yang diperolehi oleh BERNAMA hari ini, kerajaan juga diseru mengenakan syarat yang sekurang-kurangnya perlu ada penyertaan lima peratus oleh masyarakat India dalam projek-projek yang diswastakan.

Kerajaan harus merumuskan dasar-dasar dan program-program untuk membolehkan penyertaan bermakna masyarakat India dalam sektor korporat dan membolehkan masyarakat India membeli saham-saham, menurut resolusi mengenai ekuiti saham masyarakat India di Malaysia.

Ini boleh dilakukan menerusi Tawaran Awam Permulaan (IPO) dan melalui mekanisme pembelian oleh pengurusan (MBO) dengan tujuan mencapai matlamat pegangan saham sebanyak lima peratus oleh masyarakat India dalam sektor korporat dalam tempoh 10 tahun berikut OPP3.

Resolusi itu juga mengambil perhatian mengenai strategi yang ditumpukan atau diselaraskan bagi memperbetulkan ketidakseimbangan dalam pegangan ekuiti yang dinyatakan dalam OPP2 dan masyarakat perniagaan India masih belum disepadukan sepenuhnya ke dalam arus utama pertumbuhan ekonomi.

Walaupun, pegangan ekuiti korporat masyarakat India di Malaysia meningkat daripada 0.5 peratus ke 1.5 peratus sejak 30 tahun lepas "tetapi ia masih terlalu rendah berbanding pemilikan ekuiti oleh masyarakat Bumiputra dan Cina".

Resolusi mengenai pekerja-pekerja estet juga ditumpukan pada lima sektor yang perlu ditangani kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Manusia.

Mereka ialah:

-- untuk memantau pembuangan pekerja estet selepas statusnya diubah daripada estet getah kepada kelapa sawit supaya pekerja-pekerja itu dibayar ganjaran yang sewajarnya, diberi pekerjaan lain dan tempat penginapan.

-- untuk mengambil langkah-langkah drastik dan tegas untuk melaksanakan skim pemilikan rumah bagi pekerja estet dan lombong.

-- untuk melaksanakan rancangan pembangunan lima tahun itu bagi memperbaiki kemudahan perumahan dan memastikan pengurusan estet menyediakan bekalan elektrik, air, jalan raya dan kemudahan asas lain.

-- untuk mengarahkan semua Kerajaan Negeri supaya tidak meluluskan perubahan status estet sewenang-wenangnya selagi ia ia tidak mengambil kira peruntukan bagi perumahan alternatif pekerja, penempatan semula sekolah, kuil dan kemudahan lain.

-- Untuk menguatkuasakan dengan tegas Akta Standard Minima Perumahan dan Kemudahan 1990 yang memerlukan pengurusan estet menyediakan sekurang-kurangnya plot seluas 250 meter persegi bagi setiap pekerja menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan sebagai pendapatan sampingan.

Resolusi lain termasuk menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Institut Latihan NTS Arumugam Pillay, Institut Perubatan, Sains dan Teknologi, penyertaan masyarakat India dalam perniagaan kecil dan sederhana.

Sejumlah 1,494 perwakilan dijangka menghadiri perhimpunan dua hari itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

-- BERNAMA

ES PR